



Keluaran Mei-Ogos 2013  
Bil 2/2013

# BULETIN MPSP



Menarik di dalam :



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
[www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my)



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
[www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my)

MAJLIS PERBANDARAN  
SEBERANG PERAI



SIDANG REDAKSI

PENAUNG  
**Puan Maimunah Mohd. Sharif**  
(Yang Dipertua)

PENASIHAT  
**Sr Tuan Haji Rozali Bin Haji Mohamud**  
(Setiausaha Perbandaran)

KETUA EDITOR  
**Encik Wan Junaidy Bin Yahaya**

EDITOR  
**Puan Salemah Binti Ayob**

JURUGAMBAR  
**Encik Sheikh Zakaria Bin Shaik Ahmad**  
**Encik Mohd. Faiz Bin Abdul Halim**

*"Sustainability Is Our Commitment"*

# ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN YANG DIPERTUA	1
PERASMIAN PASAR AWAM TAMAN BERJAYA NIBONG TEBAL	2
MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS MPSP	3
MAJLIS SAMBUTAN HARI MAJLIS YANG KE-39	4
PERHIMPUNAN KORPORAT DAN SERTA MAJLIS MEMPERBAHARUI IKRAR KAKITANGAN & IKRAR KUALITI	5
MAJLIS PENYAMPAIAH HADIAH PERTANDINGAN FOTOGRAFI 2013	6
PEMBERIAN INSENTIF KEPADA PEMANDU TEKSI	7
MAJLIS JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI	8
GOTONG-ROYONG KAWALAN TIKUS	9
LAWATAN KE MPSP (DALAM DAN LUAR NEGERI)	10
LELONGAN KERETA RAMPASAN	11
KARNIVAL HAIWAN KESAYANGAN	12
FORUM PERDANA	13
PENYAMPAIAN SIJIL PEJABAT HIJAU PULAU PINANG	14
PERASMIAN PASAR AWAM SAMAGAGAH.	15
SAMBUTAN HARI IBUBAPA PPR AMPANGAN	16
PERJUMPAAN YDP BERSAMA PEKERJA AWAM	17
DEKLAMASI PUASI DI DEWAN DATO' HAJI AHMAD BADAWI	18
EKSPO HARI PELADANG 2013.	19
GOTONG-ROYONG HAPUSKAN AEDES	20
PERHIMPUNAN KEMERDEKAAN KE-56	21
PEMULIHARAAN SUNGAI SEMPENA HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA SUNGAI DERHAKA, TAMAN NAGASARI	22
AKTIVITI PERSATUAN MPSP	23
AKTIVITI BERSAMA RAKYAT	24

*“Sustainability Is Our Commitment”*

# *Perutusan*

## **YANG DIPERTUA**



**Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera,**

Sebagai pembuka bicara, saya ingin memanjatkan syukur kehadrat Ilahi kerana dengan keizinannya Buletin MPSP Bil 2/2013 (Mei-Ogos) dapat diterbitkan dan diharapkan warga MPSP dalam keadaan sihat sejahtera. Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada semua kakitangan Majlis atas sumbangan yang diberikan dalam membangunkan Majlis Perbandaran Seberai (MPSP) sebagai sebuah PBT yang efisyen dalam mengimplementasikan tanggungjawab terhadap penjagaan dan pembangunan Seberang Perai.

Tahap pengurusan kewangan yang efisien membantu pembayaran gaji kepada kakitangan tepat pada masanya. Hal ini merupakan penanda aras terhadap tahap kecemerlangan pengurusan sumber dan kewangan oleh MPSP. Tahniah dan moga kecemerlangan ini dapat ditingkatkan dari masa ke semasa.

Dalam usaha MPSP ke arah bertaraf antarabangsa, semua staf haruslah meningkatkan ilmu selaras dengan perkembangan semasa. Ini adalah persediaan asas dalam menempuh cabaran arus globalisasi dan modenisasi. Semoga pelbagai usaha murni yang dijalankan ini dapat menjadi aspirasi kepada seluruh warga MPSP untuk terus berusaha selari dengan hasrat kerajaan negeri untuk menjadikan Pulau Pinang negeri yang *sukses* dari pelbagai aspek selari dengan motto *Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*.

Akhir kalam, marilah kita bersama berganding bahu dan menggembung tenaga bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada Seberang Perai, sekaligus meningkatkan imej MPSP di peringkat nasional dan antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

---

**PUAN MAIMUNAH MOHD SHARIF**  
**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**



## PERASMIAN PASAR AWAM TAMAN BERJAYA, NIBONG TEBAL

Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang Tuan Lim Guan Eng telah merasmikan Pasar Awam Taman Berjaya, Nibong Tebal pada 15 Jun 2013. Majlis ini turut dihadiri oleh Yang Dipertua MPSP, Puan Maimunah Mohd Sharif, Y.B. Tuan Soon Lip Chee ADUN Jawi, Y.B. Dato' Mansor bin Hj Othman Ahli Parlimen Nibong Tebal, Ahli-ahli Majlis MPSP, Setiausaha Perbandaran dan ketua-ketua jabatan.

Tuan Yang Dipertua dalam ucapannya berkata, projek yang dirasmikan ini merupakan hasrat murni Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah memperuntukkan wang sejumlah RM 5 Juta bagi tujuan menaiktaraf 3 buah pasar awam iaitu Pasar Awam Sri Bandar Butterworth, Pasar Awam Taman Berjaya Nibong Tebal dan Pasar Awam Samagagah Permatang Pauh.

Pada tahun 2013, MPSP telah menyediakan peruntukan sebanyak RM1,754,700.00 untuk tujuan penyelenggaraan pasar awam dan kompleks penjaja.



Sehubungan dengan itu, Tuan Yang Dipertua memohon agar semua peniaga dapat bekerjasama bagi membantu MPSP dalam mengurangkan perbelanjaan penyelenggaraan dan menggunakan peruntukan tersebut untuk menyediakan kemudahan lain kepada masyarakat Seberang Perai.

Sebelum mengakhiri ucapannya, beliau turut memaklumkan kepada semua komuniti di Taman Berjaya bahawa semua maklumbalas atau cadangan boleh dikemukakan terus melalui laman web MPSP. Para peniaga juga dinasihatkan supaya dapat menjaga kebersihan pasar dan secara langsung dapat menarik para pengunjung untuk membeli di sesebuah pasar tersebut dan seterusnya menjadikan Negeri Pulau Pinang yang lebih bersih khususnya di Seberang Perai.





## MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS MPSP

Seramai 24 orang Ahli Majlis telah mengangkat sumpah menerima jawatan masing-masing pada 1 Julai 2013 dan akan berkhidmat selama tempoh enam bulan bagi tahun 2013. Barisan Ahli Majlis yang terdiri daripada wakil DAP, PKR, PAS dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah mengangkat sumpah dan ikrar di hadapan Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang. Majlis yang diadakan di Dewan Kenangan MPSP ini turut dihadiri oleh Y.B. Dato' Haji Mohd. Rashid bin Hasnon, Timbalan Ketua Menteri 1, Y.B. Tuan Prof P.Ramasamy, Timbalan Ketua Menteri 2, Y.B. Tuan Chow Kon Yeow, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Y.B. Dato' Haji Farizan bin Darus, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Y.B. Dato' Haji Mokhtar bin Mohd Jait, Pegawai Kewangan Negeri dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Yang Dipertua MPSP, Puan Maimunah Mohd Sharif dalam ucapannya berharap agar semua Ahli Majlis yang telah dilantik bagi sesi 2013 supaya kerap turun padang bagi meninjau masalah yang dihadapi penduduk dan masyarakat di setiap kawasan masing-masing.

Di samping itu, beliau juga berharap agar semua Ahli Majlis bersama-sama mengorak langkah, menyusun strategi, berganding bahu menerajui MPSP ke tahap yang lebih cemerlang sebagaimana yang diharapkan Kerajaan Negeri dan Penduduk Seberang Perai.

Setiap Ahli Majlis yang dilantik akan diberi peruntukan sebanyak RM50,000 untuk mereka melaksanakan projek agenda Kerajaan Negeri iaitu '*Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*' manakala sebanyak RM25,000 pula untuk infrastruktur. Tuan Yang Dipertua menasihatkan agar semua Ahli Majlis menggunakan dan membelanjakan peruntukan yang diberi secara berhemah. Barisan Ahli Majlis yang dilantik juga diharap akan dapat bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk menyediakan pasukan kerja yang komited dan mantap supaya perkhidmatan dan pembangunan Majlis Perbandaran Seberang Perai bertambah baik dan berjalan lancar seterusnya membawa Seberang Perai ke tahap antarabangsa.



# MAJLIS SAMBUTAN HARI MAJLIS YANG KE-39



Sambutan Hari Majlis Ke-39 telah diadakan pada 6 Julai 2013. Turut hadir bersama pada majlis yang penuh bermakna ini ialah Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang, Tuan Lim Guan Eng, Timbalan Ketua Menteri 1, Y.B. Dato' Haji Mohd Rashid bin Hasnon, Timbalan Ketua Menteri 2, Y.B. Tuan Prof Dr P. Ramasamy a/l Palanisamy, para Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Yang Dipertua MPSP, Setiausaha Perbandaran, ketua-ketua jabatan serta para jemputan yang lain.

Sempena sambutan Hari Majlis Ke-39 ini, MPSP telah melancarkan *Seberang Perai Tourist Map*. *Tourist Map* ini merupakan langkah pertama Majlis untuk memperkenalkan kawasan-kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan menjadi tempat pelancongan di Seberang Perai. Disamping itu, beberapa program turut diatur dalam Sambutan Hari Majlis ini antaranya seperti Promosi Pengurangan Kompaun, Pertandingan Fotografi, Sesi Dialog Bajet 2014, Penyampaian Anugerah Kualiti dan Anugerah Pekerja Contoh MPSP serta beberapa aktiviti sukaneka yang melibatkan semua peringkat kakitangan MPSP.

Tuan Yang Dipertua dalam ucapannya menyatakan bahawa MPSP sedang giat untuk meningkatkan mutu perkhidmatan terutama dari segi memenuhi kehendak pelanggan.

Menurut beliau lagi, untuk mencapai matlamat tersebut pelbagai kaedah sedang dirancang dan telah dibuat seperti mengadakan Jendela Pelanggan dan Klinik Tunggakan Cukai yang diadakan pada setiap hari Jumaat minggu pertama dan minggu terakhir. Selain itu, program-program luaran seperti senamrobiik dan pameran digunakan sebagai satu saluran untuk membolehkan orang ramai memberi komen dan cadangan bagi menambahbaik perkhidmatan yang diberikan oleh MPSP.

Sebelum mengakhiri ucapannya, Tuan Yang Dipertua juga menyeru agar semua kakitangan MPSP untuk sentiasa bersunguh-sunguh, cekap dan efisen dalam merealisasikan halatuju strategik MPSP ke tahap antarabangsa.





## PERHIMPUNAN KORPORAT SERTA MEMPERBAHARUI IKRAR KAKITANGAN & IKRAR KUALITI

Perhimpunan Korporat serta Majlis Memperbaharui Ikrar Kakitangan dan Ikrar Kualiti telah diadakan pada 9 Julai 2014 di perkarangan lobi MPSP. Perhimpunan ini telah dihadiri oleh semua warga MPSP dan Ahli-ahli Majlis.

Dalam ucapan Tuan Yang Dipertua, beliau menekankan supaya warga kerja MPSP perlu menyumbang khidmat kepada kehidupan penduduk Seberang Perai secara keseluruhannya dan memastikan budaya kerja yang berprestasi tinggi, berintegriti dan berdisiplin disamping memberikan sistem penyampaian perkhidmatan yang mesra pelanggan.

Beliau mengingatkan kepada kakitangan MPSP supaya menjaga tingkah laku di luar waktu kerja dan jangan menjalankan sebarang aktiviti jenayah yang boleh memudaratkan diri sendiri, malah menjelaskan imej MPSP.

Beliau juga mengalu-alukan apa jua pandangan dan cadangan penambahbaikan daripada semua kakitangan demi kebaikan Majlis dan juga penduduk Seberang Perai disamping dapat meningkatkan mutu perkhidmatan dan mewujudkan sebuah PBT yang bertaraf antarabangsa.

Di akhir ucapannya, beliau menyeru agar warga MPSP sentiasa melaksanakan transformasi yang sejahtera dengan tuntutan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap, tepat, telus, mesra rakyat serta mengharapkan kerjasama yang erat dalam semua peringkat termasuklah penduduk Seberang Perai.





## MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN FOTOGRAFI SEBERANG PERAI 2013

Majlis penyampaian hadiah Pertandingan Fotografi Seberang Perai 2013 telah berlangsung di Auditorium MPSP dan disempurnakan oleh Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang. Majlis penyampaian hadiah ini dijalankan bersempena dengan Jamuan Hari Raya Aidilfitri MPSP di perkarangan lobi MPSP.

Idea Pertandingan Fotografi ini tercetus dari Tuan Yang Dipertua sendiri sewaktu beliau berkhidmat di George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) lagi. Kerjasama antara beberapa individu yang berpengalaman seperti Pengarah Obscura Photography Festival, Encik Vignes; Pengarah George Town Festival, Encik Joe Sidek dan Pengasas Allspire Photography, Encik Joie Koo telah membuatkan hasil yang kreatif untuk mencipta pertandingan seperti ini.

Menurut Tuan Yang Dipertua dalam ucapannya, Pertandingan Fotografi ini bertujuan untuk memberi peluang kepada masyarakat meneroka kawasan-kawasan yang menarik di Seberang Perai dan secara tidak langsung dapat menarik minat para pelancong dari dalam dan luar negeri untuk melihat keindahan yang terdapat di sini serta mencungkil dan mempromosikan keindahan Seberang Perai yang telah lama terpendam.



Pertandingan ini telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dimana lebih daripada 500 penyertaan telah diterima untuk Pertandingan Fotografi Seberang Perai 2013. Pertandingan yang bermula pada 1 Jun 2013 sehingga 1 Julai 2013 ini turut menyajikan hadiah-hadiah yang lumayan seperti wang tunai dan tiket penerbangan ke Phuket, Medan dan Subang bagi tiga pemenang utama.

Sebagai penghargaan, gambar-gambar yang telah diambil oleh para peserta turut dimasukkan dalam *Coffee Table Book MPSP 2013* dan dipamerkan sebagai bahan pameran kepada orang ramai selama satu bulan di ruang lobi MPSP.



# PEMBERIAN INSENTIF KEPADA PEMANDU TEKSI



# MAJLIS JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI



# GOTONG-ROYONG KAWALAN TIKUS SEBERANG JAYA



Majlis Pelancaran Kempen Kawalan Tikus dan Gotong-Royong telah diadakan serentak di semua PBT di seluruh Malaysia pada 24 Ogos 2013. Majlis yang dianjurkan bersama oleh MPSP, Kerajaan Negeri dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Majlis ini turut dihadiri oleh Y.B. Dr. Afif Bin Bahardin, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Bahagian Pembangunan), Y.Bhg. Dato' Abu Jamal Bin Nordin, Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, Y.Bhg. Dato' Dr. Mohd Padzil Bin Hashim, Yang Dipertua MPSP, Ahli-ahli Majlis MPSP, kakitangan MPSP dan penduduk setempat.

Program ini adalah bertujuan bagi menggalakan penyertaan bersama MPSP dan penduduk awam dalam menjaga persekitaran kediaman disamping memupuk semangat gotong-royong dikalangan penduduk di

Seberang Perai. Pada hari yang sama, MPSP telah menyumbangkan racun tikus serta beberapa peralatan gotong-royong untuk menampal lubang-lubang tikus bagi membasi dan membunuh induk-induk tikus.

Tuan Yang Dipertua dalam ucapannya menyatakan bahawa, kitar semula sisa pepejal merupakan agenda utama MPSP kearah memelihara alam sekitar. Tambahan beliau, sisa makanan yang berlebihan mencerminkan sikap budaya pembaziran masyarakat dan secara tidak langsung menjadi makanan dan tempat pembiakan tikus serta mengundang bahaya kepada kesihatan awam.

Menurut beliau lagi, pembiakan tikus di sekitar kawasan ini sudah jelas berkait rapat dengan budaya kita yang masih memandang ringan tentang penyakit bawaan tikus serta keperluan untuk melupuskan sisa pepejal secara teratur dan keperluan menjalankan aktiviti pembersihan awam secara serius untuk mengawal vektor yang merbahaya ini.

# LAWATAN KE MPSP (DALAM dan LUAR NEGARA )

Lawatan Dari Gwangju



Lawatan Dari Kawasaki



Lawatan Dari UiTM Pulau Pinang



Lawatan Dari Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang



Lawatan Dari Bangkok



# LELONGAN KERETA RAMPASAN





# Karnival HAIWAN KESAYANGAN

Karnival Haiwan Kesayangan Seberang Perai anjuran Majlis Perbandaran Seberang Perai telah diadakan pada 16 Jun 2013 dan bertujuan mewujudkan masyarakat yang prihatin terhadap kebajikan haiwan kesayangan serta berusaha menangani masalah haiwan terbiar. Karnival yang dirasmikan oleh Tuan Yang Dipertua MPSP ini diadakan di Pejabat MPSP Cawangan Jalan Betek serta melibatkan kerjasama beberapa NGO, Persatuan Pencegahan Penganiayaan Haiwan (SPCA), Save Our Strays (SOS) dan Mercy Prai.

Tuan Yang Dipertua dalam ucapannya menyatakan bahawa, karnival ini diharap dapat menjadi satu langkah permulaan ke arah perancangan yang lebih besar pada masa hadapan yang dapat diwujudkan antara pihak MPSP dan agensi-agensi yang lain.

ke arah perancangan yang lebih besar pada masa hadapan yang dapat diwujudkan antara pihak MPSP dan agensi-agensi yang lain.

Menurut Tuan Yang Dipertua, pengajuran karnival tersebut adalah sebagai langkah jangka panjang bagi pihak MPSP dalam mengurangkan populasi haiwan terbiar. Inisiatif ini selaras dengan usaha MPSP bagi mengelakkan wujudnya pandangan negatif masyarakat terhadap cara MPSP menangani masalah haiwan terbiar. Pelbagai aktiviti telah dijalankan sempena dengan carnival tersebut. Antaranya ialah pertandingan melukis kanak-kanak, program pemandulan haiwan, *puppies adoption* dan taklimat kesedaran bagi menyuntik kesedaran kepada masyarakat.

Tuan Yang Dipertua juga berkata aduan berkaitan isu anjing terbiar yang semakin bertambah setiap hari memerlukan satu mekanisma pencegahan yang efektif dan berharap kerjasama seperti ini akan berterusan serta dapat memberi manfaat kepada seluruh warga Seberang Perai khususnya. Turut hadir sama pada majlis tersebut ialah Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kesihatan MPSP Dr Romli Bin Haji Awang, Pengerusi LA 21 Kesayangan Haiwan MPSP Merangkap Wakil SPCA Seberang Perai, Pengasas Save Our Strays (S.O.S), Pengerusi Mercy dan ketua-jabatan.





## FORUM PERDANA

Lebih 200 hadirin yang hadir ke Forum Perdana Ehwal Islam di perkarangan Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai di Bandar Perda, Bukit Mertajam. Forum perdana yang diadakan sempena menyambut kedatangan bulan Ramadhan al-Mubarak adalah anjuran bersama Persatuan Kebajikan Pekerja-Pekerja Islam (PERMAI) dan MPSP.

Forum Perdana yang bertajuk 'Ramadhan Membangun Sahsiah Ummah' diadakan serentak dengan perayaan Hari Majlis Yang Ke-39, sekaligus menunjukkan komitmen pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam menganjurkan aktiviti kerohanian sebagai persiapan menempuh ibadah berpuasa pada bulan tersebut.

Mantan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Ellias Zakaria dan dua pendakwah bebas, Ustaz Roslan Che Ros dan Ustaz Mohammad Azki Hafizi Ibrahim merupakan ahli panel pada majlis tersebut. Turut hadir sama ialah Yang Dipertua MPSP, Puan Maimunah Mohd. Sharif, Tuan Sr Haji Rozali Mohamud (Setiausaha MPSP) dan beberapa Ahli Majlis dan pegawai MPSP.

Dalam majlis yang sama, MPSP juga turut membawa penampilan istimewa oleh adik Hanan Athirah dan rakan-rakan dari rancangan 'Adik-Adikku Musim Ke-4' di RTM1.





# PENYAMPAIAN SIJIL PEJABAT HIJAU





## PERASMIAN PASAR AWAM SAMAGAGAH

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM 1,119,100 bagi mem pertingkatkan kemudahan dan keselesaan para pengguna pasar awam di seluruh Seberang Perai.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, Puan Maimunah Mohd. Sharif berkata, daripada jumlah itu, sejumlah RM 5 juta diperuntukkan bagi menaiktaraf tiga buah pasar awam di ketiga-tiga daerah; SPU, SPT dan SPS iaitu Pasar Awam Sri Bandar Butterworth, Pasar Awam Samagagah Permatang Pauh dan Pasar Awam Taman Berjaya Nibong Tebal.

Menurut Tuan Yang Dipertua dalam ucapannya, MPSP turut menerima RM1juta daripada Kerajaan Negeri bagi menaiktaraf dua pasar awam iaitu Pasar Awam Kampung Baru dan Pasar Awam Berapit. "Sebagai tambahan, sebuah pasar awam bakal dibina di

Juru dengan peruntukan sebanyak RM1 juta dan dijangka siap pada bulan Disember ini", katanya pada Majlis Perasmian Pasar Awam Samagagah.

Beliau turut berkongsi sedikit maklumat mengenai peruntukan MPSP sejumlah RM1,754,700.00 untuk tujuan penyelenggaraan pasar awam dan juga kompleks penjaja. Kerajaan Negeri bukan sahaja memberikan peruntukan untuk menaiktaraf dan membina pasar awam di Seberang Perai tetapi juga memberi potongan sebanyak 50 peratus kepada mereka yang memohon lesen penjaja iaitu dari RM 30.00 kepada RM 15.00 sahaja. Tuan Yang Dipertua juga menyeru kepada semua peniaga pasar awam dan kompleks penjaja di Seberang Perai supaya mendapatkan kelulusan dan kebenaran daripada Majlis sebelum membuat sebarang penambahan keperluan di

gerai masing-masing untuk mengurangkan berlakunya sebarang kerosakan yang tidak diingini yang boleh mengganggu urusan jual beli para peniaga.

Turut hadir sama ialah Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.B. Datuk Seri Anwar Ibrahim, Ahli Parlimen Permatang Pauh, Y.B. Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Timbalan Ketua Menteri 1, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri serta para pegawai Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Dalam pada itu, Y.A.B. Ketua Menteri melahirkan rasa gembira di atas perkhidmatan cemerlang yang telah ditunjukkan oleh warga kerja MPSP ketika menjalankan kerja-kerja menaiktaraf kemudahan awam di Seberang Perai.



# SAMBUTAN HARI IBUBAPA PPR AMPANGAN



# PERJUMPAAN YDP BERSAMA PEKERJA AWAM





## DEKLAMASI PUASI DI DEWAN DATO' HAJI AHMAD BADAWI



# EKSPO

## HARI PELADANG 2013



## GOTONG-ROYONG HAPUSKAN AEDES

Satu program gotong royong telah diadakan di Pusat Sumber Alam Sekitar Permatang Nibong pada 7 Julai 2013. Program ini adalah anjuran MPSP dengan kerjasama dari pelbagai pihak antaranya Pejabat Kesihatan Daerah SPT, Pusat Sumber Alam Sekitar SPT, Sekolah Agama Al-Amaniah, Sekolah Kebangsaan Permatang To' Kandu dan diturut serta bersama penduduk kampung.

Tujuan utama program ini adalah untuk memusnahkan tempat pembiakan nyamuk aedes di samping menjalankan kerjasama dan hubungan erat antara agensi kerajaan dengan penduduk kampung untuk bersama-sama menjaga kebersihan kawasan persekitaran.

Program sebegini adalah sangat bermanfaat sejajar dengan moto kerajaan negeri iaitu *Cleaner, Greener, Safer And Healthier Penang*. Program ini telah dirasmikan oleh Tuan Yang DiPertua MPSP dan turut dihadiri



oleh Tuan Setiausaha Perbandaran, Pegawai Kesihatan Daerah SPT, Ahli-ahli Majlis dan pegawai-pegawai jabatan.

Pusat Pengumpulan Bahan Kitar Semula Permatang Nibong merupakan antara salah satu pusat kitar semula yang aktif di kawasan Seberang Perai Tengah. Menurut pengurusnya, pusat kitar semula tersebut telah berjaya mengumpul hasil kutipan yang tinggi pada tahun 2012 yang lalu dan hasil jualan daripada bahan kitar semula itu telah dimasukkan ke dalam tabung kitar semula Pusat Kitar Semula Permatang Nibong.

Program ini turut dimeriahkan lagi dengan acara penyampaian hadiah dan cenderamata kepada mereka yang terlibat dan yang telah berjaya mengumpul bahan-bahan kitar semula yang paling banyak. Hadiah dan cenderamata telah diberikan oleh Tuan Yang DiPertua MPSP sebelum berakhirnya program tersebut.



# PERHIMPUNAN KEMERDEKAAN

## KE-56



Sebanyak 86 kontinjen menyertai perbarisan sempena menyambut Hari Kemerdekaan Ke-56 Peringkat Negeri Pulau Pinang.

Sambutan yang penuh gilang-gemilang ini diadakan di Dataran Pemuda Merdeka. Pasukan Peronda Sukarela (PPS), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Kesatria UiTM, Telekom Malaysia Berhad, Jabatan Imigresen, POS Malaysia, Perbadanan Bekalan Air (PBA), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia antara kontinjen yang menyertai acara istiadat perbarisan di hadapan Tuan Yang Terutama Tun Abdul Rahman Abbas, Yang Di-Pertua Negeri dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff. Semua Exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), para pembesar negeri serta penjawat awam turut

menyertai sambutan Hari Merdeka ini.

Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang dalam kenyataan beliau sempena Hari Merdeka berkata, semua pihak seharusnya mempunyai jiwa Malaysia yang hakiki memandangkan temasya hari kebangsaan ini diraikan pada setiap tahun. Beliau juga turut merakamkan penghargaan kepada warga Pulau Pinang kerana telah memberi kepercayaan kepada Kerajaan Negeri dan bersatu hati bersama-sama membangunkan dan memajukan negeri ini.

'Negaraku Selamat, Bersih, Hijau dan Sihat' telah dipilih sebagai tema Hari Kemerdekaan kali ini di peringkat negeri Pulau Pinang.





## PEMULIHARAAN SUNGAI SEMPENA HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA DI SUNGAI DERHAKA, TAMAN NAGASARI

Inisiatif memulihara Sungai Derhaka di sini menjadi satu lagi rekod rancangan pembangunan kehijauan kendalian pemaju GMC Gamuda. Pengurus projeknya, Bryian Lee Fong Hock berkata, "pemajuan landasan kereta api berkembar dari Kuala Lumpur ke Padang Besar merentasi 90 batang sungai adalah wajar terus dipulihara". Menyedari hakikat itu, GMC Gamuda akan membina kolam perangkap sampah, selain menggunakan bola lumpur di kawasan-kawasan pemajuan. Kawasan yang dimajukan tidak boleh sampai memusnahkan sungai-sungai tersebut. Sungai Derhaka ini adalah CSR (tanggungjawab sosial korporat) ke arah kehijauan alam di negeri ini, ujar beliau sempena meraikan Hari Alam Sekitar Sedunia 2013 di perkarangan Depot Keretapi Tanah Melayu (KTM), Bukit Tengah di sini baru-baru ini. Bermotto "Fikir Hijau Sebagai Pemuliharaan, Bukan Pencemaran", pertandingan menyediakan bola selut turut dianjurkan membabitkan lebih 50 komuniti setempat.

Tuan Sr. Haji Rozali Bin Haji Mohamud, Setiausaha Majlis Perbandaran Seberang Perai semasa merasmikan program itu merakamkan penghargaan kerana memulakan projek CSR kedua di negeri berkenaan. Beliau berkata, keindahan Taman Tugu Demokrasi dekat Bagan sekarang adalah hasil inisiatif GMC Gamuda sejak beberapa tahun lepas. Dalam perkembangan lain, beliau berkata, MPSP giat melaksanakan kempen nilai ke arah mengurangkan sampah di negeri berkenaan. Itu, termasuk langkah mengkompos sampah menjadi baja. "MPSP tidak galakkan (penyediaan) tong sampah dengan tujuan bagi menggalakkan penduduk kurangkan penghasilan sampah. Tahun 2009, 29.47 peratus sampah berjaya dikompos menjadi baja. (Tahun) 2011, 29.47 peratus (sampah dikomposkan)", ujar beliau. Justeru, beliau berkata, MPSP mensasar pengurangan 5 peratus sampah berdasarkan kejayaan MPSP mengkompos 3 peratus sampah menjadi baja dalam tempoh 2009 hingga 2011.



# AKTIVITI-AKTIVITI PERSATUAN MPSP





## Program-Bersama Masyarakat

